Berdasarkan *common law* Inggeris, sama ada pesakit telah memberikan keizinan atau keengganan secara sah terhadap rawatan perubatan pada dasarnya bergantung kepada aspek sama ada pesakit tersebut telah dimaklumkan secara betul, pesakit membuat keputusan secara sukarela dan sama ada pesakit berkeupayaan untuk membuat keputusan pada masa tersebut (Puteri Nemie Jahn Kassim 2007; *Re T (Adult: Refusal of Medical Treatment)* [1992] 4 All ER 649).

Dalam satu kes *common law, Re T (Adult: Refusal of Medical Treatment)* [1992] 4 All ER 649, T merupakan gadis yang berumur 20 tahun dan hamil. Beliau telah cedera dalam kemalangan kereta dan mengalami komplikasi yang memerlukan pemindahan darah ke dalam tubuh badannya. Pada mulanya, T bersetuju untuk pemindahan darah. Walau bagaimanapun, selepas menghabiskan masa dengan ibunya yang merupakan seorang penganut agama Kristian yang mengamalkan kepercayaan Saksi Yehuwa, beliau terus menolak rawatan bagi pemindahan untuk menyelamatkan nyawanya. Mahkamah Rayuan berpendapat T telah dipengaruhi oleh ibunya. Selanjutnya, keupayaan T untuk membuat keputusan juga telah terjejas kerana kesan ubat sewaktu beliau dirawat. Oleh itu, Mahkamah membenarkan pemindahan darah diteruskan terhadap T. Keputusan Mahkamah mengesahkan bahawa persetujuan pesakit untuk meneruskan atau tidak terhadap rawatan tertentu tidak akan sah jika ia diberikan di bawah tekanan atau paksaan yang dikenakan oleh orang lain walaupun daripada seorang insan bergelar ibu.

Dalam kes *Re T (Adult: Refusal of Medical Treatment)* [1992] 4 All ER 649, pesakit yang berkeupayaan boleh menolak rawatan walaupun tanpa rawatan tersebut beliau akan mati. Walau bagaimanapun, keputusan pesakit tersebut tidak boleh dipengaruhi oleh pengaruh mahupun tekanan dari orang lain. Perlakuan memaksa seseorang pesakit untuk meneruskan atau menolak rawatan boleh terjumlah kepada kesalahan serang sentuh *(battery)* atau kesalahan tort berdasarkan huraian dalam buku Herring (Jonathan Herring 2008). Seseorang pesakit berkeupayaan mempunyai hak mutlak untuk menolak rawatan (*Re T (Adult: Refusal of Medical Treatment)* [1992] 4 All ER 649; Lindy Willmott 2009). Pendirian ini muncul dalam membentuk kedudukan yang diambil oleh undang-undang. Dalam kes *St George's Health Care Trust v S* [1998] 3 All ER 673, seorang wanita berhak untuk menolak rawatan walaupun tanpa rawatan tersebut, beliau dan anak dalam kandungannya akan mati. Walaupun undang-undang menghormati hak pesakit untuk menolak rawatan, dalam *Re B* [2002] EWHC 429 Mahkamah walau bagaimanapun secara berhati-hati melihat isu keupayaan pesakit. Ini bermakna tahap keupayaan pesakit dipandang secara teliti dan berhati-hati bagi memastikan bahawa pesakit sememangnya berkeupayaan untuk membuat keputusan berhubung rawatan perubatannya.

Dalam kes *Re C (Adult: Refusal of Treatment)* [1994] 1 All ER 819, Mahkamah melihat tahap keupayaan C yang merupakan pesakit paranoid skizofrenia *(paranoid schizophrenic)* di Hospital Broadmoor (*Re C (Adult: Refusal of Treatment)* [1994] 1 All ER 819; World Health Organization 2017). Doktor kepada pesakit tersebut percaya bahawa beliau perlu memotong kakinya kerana ia akan menjadi gangrene. Malah, besar kemungkinan pesakit akan mati jika tidak menjalani pembedahan. Pesakit menolak dari memberi keizinan bagi membolehkan pembedahan itu dilakukan. Hakim menyatakan bahawa dalam meneliti sama ada pesakit memahami sifat, tujuan dan kesan sesuatu cadangan rawatan, kapasiti pesakit perlu dilihat melalui terdapat tiga tahap bagi keputusan harus dibuat. Pertama, kefahaman dan pengekalan maklumat tentang rawatan perubatan. Kedua, mempercayai maklumat tersebut. Ketiga, memberati imbangan sesuatu maklumat agar keputusan dapat dibuat. Dalam kes ini, pesakit yang secara umum tidak mempunyai kapasiti kerana menghidap schizophrenia adalah tidak relevan. Beliau memahami

cadangan pembedahan ke atasnya adalah perkara yang lebih penting dan perlu diambil kira. Hakim mendapati tidak dapat dibuktikan bahawa pesakit tidak memahami maklumat yang disampaikan kepadanya sebelum keputusan dibuat dan beliau juga berkeupayaan untuk tidak memberi keizinan. Oleh itu, Mahkamah memutuskan bahawa pemotongan kaki pesakit adalah dilarang melainkan terdapat keizinan bertulis daripada pesakit tersebut. Pesakit yang mempunyai keupayaan (yang boleh memahami, mempercayai, mengekalkan, dan menimbangtara sesuatu maklumat yang diperlukan) boleh membuat keputusan sendiri termasuklah dalam membuat keputusan untuk menolak rawatan (Norchaya Talib 2002).

Jika pesakit mempunyai keupayaan seperti yang ditakrifkan di bawah Mental Capacity Act 2005 (UK), beliau boleh menolak bantuan pernafasan. Dalam konteks CPR pula, di England dan Wales, CPR dibenarkan jika berlaku serangan jantung kecuali jika terdapat suatu perintah atau arahan untuk tidak membenarkan CPR seperti arahan DNR. Secara logiknya, jika pesakit tidak membenarkan bantuan pernafasan, maka, perlu ada penjelasan mengenainya diberikan (The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing 2014 dan 2017) Biasanya, pesakit akan berbincang terlebih dahulu dengan keluarga dan doktor sebelum sesuatu keputusan dibuat (The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing 2014 dan 2017). Pesakit juga boleh mewakilkan seseorang untuk membuat keputusan berhubung rawatan perubatannya bagi pihaknya misalnya melantik proksi melalui pengaplikasian AMD. Sementara itu, doktor juga perlu melunaskan tanggungjawab fidusiarinya secara berhikmah untuk memaklumkan kepada ahli keluarga pesakit tentang pada sesuatu keadaan, perlaksanaan CPR ke atas pesakit merupakan tindakan sia-sia *(futile)* dan tidak dinilaikan sebagai tindakan yang baik dan wajar (Deborah L Kasman 2004).

DNR DI MALAYSIA

Dengan melihat keadaan di Malaysia, pada masa kini, masih tidak terdapat akta khusus, peruntukan dalam Akta secara khusus, dan/atau garis panduan khusus yang menjelaskan had campur tangan seseorang doktor jika pesakit enggan memberi keizinan terhadap sesuatu rawatan yang perlu dilakukan terhadapnya. Walaupun Malaysia mempunyai Akta Kesihatan Mental 2001 dan Akta Perubatan 1971, hak-hak pesakit dan doktor masih belum jelas. Piagam pesakit pula hanya mengandungi hak-hak dan tanggungjawab pesakit yang menekankan bahawa setiap pesakit mempunyai hak untuk dilindungi. Hak untuk dilindungi yang ditekankan dalam aspek ini ialah hak terhadap penjagaan kesihatan dan rawatan secara berperikemanusiaan (Malaysian Medical Association 2016). Setiap pesakit mempunyai akses kepada kecekapan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan tanpa mengira umur, jantina, etnik, agama, fahaman politik, status ekonomi atau kelas sosial. Setiap pesakit perlu diberikan penjagaan yang baik, pertimbangan, rasa hormat dan bermaruah tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Sebagai contoh, apabila pesakit kanak-kanak dimasukkan ke hospital, beliau mempunyai hak untuk membawa ibu bapa atau penjaga (Malaysian Medical Association 2016).

Di samping itu, pesakit mempunyai hak untuk mendapatkan pendapat kedua. Pesakit mempunyai hak untuk mengetahui pemeriksaan yang dijalankan terhadapnya, kesan pemeriksaan dan salinan laporan pemeriksaan yang dijalankan berserta penerangan berhubung laporan tersebut. Seseorang pesakit yang telah menerima maklumat yang mencukupi tentang keadaannya, berhak untuk menerima atau menolak rawatan perubatan yang dicadangkan untuknya. Sekiranya doktor enggan membenarkan doktor atau pakar kesihatan lain untuk dibawa masuk, pesakit berhak untuk melepaskan doktor tersebut dan mencari doktor baharu (Malaysian Medical Association 2016).

Isu-isu etika boleh timbul apabila berlaku pertembungan di antara pilihan pesakit berbeza dengan pendirian doktor yang pada masa itu doktor percaya menerima atau menolak rawatan perubatan ialah demi kepentingan terbaik pesakit (Steven Pantilat. 2008). Sebagai contoh, seseorang pesakit yang telah menjalani pembedahan pintasan memerlukan ubat tahan sakit atau pesakit radang paru-paru boleh menolak antibiotik. Dalam keadaan ini keputusan autonomi pesakit boleh bertembung dengan kewajipan doktor untuk melakukan kebajikan *(beneficence)* setelah mengambil kira standard etika perubatan dalam situasi ini. Pesakit mempunyai hak untuk membuat keputusan ketika pesakit sedang bergelut mengenainya. Pesakit tidak membuat keputusan kerana delusi, namun, doktor harus menganggap pilihan pesakit mungkin adalah seperti itu setelah pesakit berfikir

panjang, walaupun ketika itu mungkin doktor cuba untuk memujuk pesakit tersebut untuk membuat pilihan demi kepentingannya (Steven Pantilat 2008).

Selanjutnya, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) telah mengeluarkan satu garis panduan umum mengenai AMD berdasarkan Perkara 17 dan 18, *Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners*. Perkara 17 menjelaskan bahawa setiap individu berhak untuk menolak rawatan perubatan. Seseorang itu adalah berhak untuk memilih apa yang bakal berlaku berhubung dengan dirinya sendiri. Bagi individu tersebut, hak untuk menolak rawatan wujud, tanpa mengira sebab untuk membuat pilihan tersebut sama ada keputusannya dilihat sebagai suatu yang rasional, tidak rasional, tidak diketahui atau tidak wujud. Memaksa rawatan perubatan ke atas pesakit yang berkeupayaan yang sah bahawa beliau enggan untuk meneruskan rawatan itu boleh dianggap sebagai serangan atau serang sentuh (Lynch, Holly Fernandez; Mathes, Michele and Sawicki, Nadia N. 2008). Sama seperti pesakit memberikan keizinan rawatan, keengganan rawatan boleh dinyatakan secara tersurat mahupun tersirat dan boleh dibuat secara bertulis atau diberikan secara lisan. Keengganan rawatan oleh pesakit juga perlu direkodkan secara terperinci dan secara bertulis dalam rekod perubatan atau nota rekod doktor, dan jika boleh, ditandatangani serta meletakkan tarikh ia dibuat oleh pesakit. Dalam keadaan di mana pesakit menolak beberapa prosedur untuk menyelamatkan nyawa pesakit (seperti pemindahan darah) dalam aspek kepercayaan agama atau adat anak negeri, dan di mana kemungkinan prosedur menyelamatkan nyawa secara kecemasan yang amat diperlukan, doktor boleh mendapatkan keputusan Mahkamah untuk melindungi dirinya daripada sesuatu tindakan diambil masa depan (Perkara 17, Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners, Malaysian Medical Council (MMC), Malaysia).

Dalam garis panduan MMC di bawah Perkara 18 menyatakan doktor perlu menahan diri daripada memberi rawatan atau melaksanakan mana-mana prosedur jika terdapat arahan bertulis yang jelas oleh pesakit bahawa rawatan atau prosedur itu tidak perlu diperuntukkan dalam situasi yang kini dikenakan kepada pesakit tersebut (Perkara 17, Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners, Malaysian Medical Council (MMC), Malaysia). Menurut garis panduan tersebut dalam konteks di Malaysia, pesakit mempunyai hak untuk menerima atau menolak rawatan termasuk menolak bantuan pernafasan tanpa mengira sebab untuk membuat pilihan sama ada ia adalah rasional atau tidak. Para doktor juga perlu menahan diri daripada menyediakan atau melaksanakan rawatan jika terdapat arahan bertulis yang tidak berbelah bagi untuk mengarahkan demikian. Tambahan pula, berdasarkan *Ten Golden Rules of Good Medical Practice (Duties of a Doctor, Malaysian Medical Council)*, doktor perlu mengamalkan kewajipan dengan kebajikan, etika dan kejujuran dalam memberi perkhidmatan dan rawatan kepada pesakitnya (Mohd. Ismail Merican 2009). Oleh itu, dalam mempromosikan kesihatan global yang baik, perbincangan dan komunikasi yang baik harus berlaku di antara doktor, pesakit dan waris pesakit termasuklah dalam isu berhubung dengan DNR.

MODEL DNR DARI UNITED KINGDOM (UK)

Dalam penulisan artikel ini, penyelidik percaya bahawa adalah munasabah untuk merujuk model DNR dari UK. Pada tahun 2009, *Resuscitation Council (UK)* menerbitkan model dan nota bimbingan bagi merekodkan segala keputusan berhubung DNACPR (The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing 2014 dan 2017). Setelah penerbitan *'Decisions Relating to Cardiopulmonary Resuscitation'* panduan bersama daripada *British Medical Association (BMA), Resuscitation Council (UK)* dan *Royal College of Nursing* pada bulan Oktober 2014, bentuk-bentuk dan nota garis panduan telah disemak semula untuk membantu pekerja-pekerja dan organisasi penjagaan kesihatan untuk mencapai standard yang lebih baik dalam merekodkan dan menyuarakan keputusan pesakit berhubung dengan CPR (The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing 2014 dan 2017). Panduan baharu ini wajar dijadikan contoh kepada model DNR di Malaysia. Panduan baharu ini mengambil kira pembangunan data dan akaun dalam amalan klinikal dan perkembangan dalam undang-undang tentang keputusan jangkaan mengenai hasil bantuan pernafasan (CPR).

Jika dilihat dalam kes *R (on the application of David Tracey) v Cambridge University Hospitals NHS Foundation Trust and Secretary of State for Health* [17.06.14], Neutral Citation Number: [2014] EWCA Civ 822, Tracey memfailkan tuntutan untuk

semakan kehakiman terhadap Cambridge University Hospitals NHS Foundation Trust dan Secretary of State for Health berhubung penempatan notis *Do Not Attempt Cardio-Pulmonary Resuscitation (DNACPR)* pada nota isteri Tracey iaitu Janet Tracey, yang dimasukkan ke Hospital Addenbrooke pada 19 Februari 2011 dan meninggal dunia pada 7 Mac 2011. Pada 5 Februari 2011, isteri Tracey telah disahkan menghidap kanser paru-paru dengan jangka hayat hidupnya dianggaran sembilan bulan. Pada 19 Februari, beliau mengalami patah serviks yang serius selepas mengalami kemalangan jalan raya. Beliau dimasukkan ke Hospital dan dipindahkan ke Neuro-Critical Care Unit di bawah jagaan Peter Kirkpat-rick, seorang perunding pakar bedah otak. Akibat daripada pesakit mempunyai masalah pernafasan yang kronik, beliau telah dipasangkan mesin ventilator, tetapi tidak bertindak balas terhadap rawatan jangkitan dadanya. Pada 23 dan 25 Februari, usaha telah dibuat untuk menghentikan beliau dari mesin ventilator tersebut, tetapi usaha ini tidak berjaya. Pada 26 Februari, rawatan ke atas beliau telah dikaji semula oleh Dr Lavinio, perunding pakar rawatan rapi dan pakar bius dan disusuli oleh Dr Ford (seorang perunding pakar onkologi) pada 27 Februari.

Dr Lavinio dan Dr Ford memutuskan bahawa pesakit perlu dihentikan/menghentikan mesin ventilator tersebut. Di sini, timbul persoalan tentang apa yang akan berlaku jika pesakit mengalami serangan *cardio-respiratory.* Pada 27 Februari, Dr Lavinio telah menyediakan notis DNACPR (notis pertama). Pesakit telah berjaya dipisahkan dari mesin ventilator dan keadaan beliau didapati semakin baik. Keadaan di mana notis yang pertama kali diletakkan di dalam nota pesakit oleh pihak hospital menjadi isu. Salah seorang anak perempuan pesakit, Alison Noeland, mendapati bahawa notis pertama telah dibuat, beliau berasa sungguh terkejut dan memasukkan bantahan. Hasilnya, notis pertama dikeluarkan dan dibatalkan pada 2 Mac oleh pendaftar pakar Mr Kirkpatrick, Dr Alavi. Walau bagaimanapun, notis DNACPR (notis kedua) pada 5 Mac telah dibuat setelah perbincangan bersama ahli keluarga pesakit diadakan.

Mahkamah Rayuan telah mengisytiharkan bahawa kegagalan pihak hospital untuk berunding dengan pesakit dalam keputusan mereka untuk memasukkan DNACPR (notis pertama) dalam nota beliau adalah tidak sah dan melanggar hak dan integriti fizikal serta autonomi yang perlu dilindungi di bawah Perkara 8, Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia (ECHR). Perkara 8 menyediakan hak untuk dihormati untuk "kehidupan peribadi dan keluarga, rumahnya dan surat-menyurat" seseorang, tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu yang "mengikut undang-undang" dan "perlu dalam masyarakat demokratik" (Perkara 8, European Convention on Human Rights (ECHR)). Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia (ECHR) (secara rasmi dikenali sebagai Konvensyen bagi Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asasi) merupakan satu perjanjian antarabangsa untuk melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi di Eropah. Contohnya, para doktor mempunyai kewajipan untuk berunding sebelum mengenakan arahan *"do not resuscitate".* Ini menunjukkan peranan ahli keluarga atau waris pesakit amat berat dalam memberi keizinan berhubung rawatan apabila pesakit telah hilang keupayaan.

Kes *Tracey* ini telah diterima dan diaplikasikan dalam kes *Winspear (Personally and on behalf of the estate of Carl Winspear, Deceased) v City Hospitals Sunderlands NHS Foundation Trust* [2015] All ER (D) 134 (Nov); [2015] EWHC 3250 (QB). Dalam kes ini pesakit (Winspear) telah mengalami kesakitan yang serius dan kurang keupayaan berdasarkan Mental Capacity Act 2005 (UK). Pada 3 Januari 2011 jam 3.00 pagi, *specialist registrar* dalam bidang kardiologi telah menempatkan notis DNACPR dalam rekod klinikal pesakit tersebut. Meskipun keizinan pesakit didapati, akan tetapi pesakit dalam keadaan kurang keupayaan berdasarkan Mental Capacity Act 2005 (UK). Maka, berdasarkan Perkara 8, ECHR, perlu mendapatkan rundingan dan keizinan daripada ahli keluarga dan waris pesakit sebelum membuat keputusan untuk DNACPR pesakit tersebut. Dalam kes ini, Hakim Blake mendapati pihak hospital telah melanggar Perkara 8 ECHR dan Seksyen 4 (7) *Mental Capacity Act 2005 (UK)* yang menyarankan agar pesakit mesti dirunding sebelum keputusan tentang DNACPR dilakukan.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, setakat ini tidak terdapat peruntukan khusus dalam statut yang memperutukkan bahawa pihak waris secara automatik mempunyai kuasa undang-undang untuk memberi keizinan kecuali dalam Seksyen 77 Akta Kesihatan Mental 2001 yang terhad pemakaiannya kepada golongan yang termasuk dalam tafsiran kecelaruan mental di bawah seksyen 2 akta tersebut.

Mari kita terus memahami situasi ini dalam laluan konteks yang sama. DNR adalah sebahagian daripada AMD (Nizam Ishak 2016). Pada masa ini di England, AMD telah secara rasmi dalam sisi undang-undang telah termaktub dalam Seksyen 24, 25 dan 26 *Mental Capacity Act 2005 (UK).* Menurut Akta tersebut, di bawah undang-undang Inggeris, jika seseorang telah membuat sesuatu arahan terlebih dahulu iaitu AMD secara sah menyatakan bahawa beliau tidak mengizinkan rawatan dilakukan, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang jika rawatan tersebut diteruskan (Seksyen 24, Mental Capacity Act 2005 (UK)). Keputusan pesakit haruslah dihormati meskipun tanpa rawatan perubatan, pesakit akan menemui ajal. Seksyen 25 *Mental Capacity Act 2005 (UK)* ialah peruntukan mengenai kesahihan dan kesesuaian AMD. Sementara itu, Seksyen 26 *Mental Capacity Act 2005 (UK)* ialah peruntukan mengenai kesan AMD.

Walau bagaimanapun, dalam Seksyen 24, 25 dan 26 *Mental Capacity Act 2005 (UK)*, tidak ada perkataan yang tepat yang menentukan DNR kecuali melainkan perkataan arahan terlebih dahulu atau arahan awal *(advance directive)* wujud dalam konteks ini. Ia boleh difahami bahawa DNR adalah juga sejenis arahan pendahuluan atau suatu perintah yang akan digunakan pada masa akan datang (Nizam Ishak 2016). Terdapat borang yang perlu diisi dalam salinan asal dan tidak boleh difotokopi. Dalam konteks ini, penulis menfokuskan kepada pesakit dewasa menurut Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 611) iaitu individu di atas umur 18 tahun sahaja. Bagi pesakit dewasa, *Resuscitation Council (UK)* memperincikan beberapa maklumat dalam bentuk model borang yang dirujuk sebagai butiran berikut:-

Contoh borang DNACPR:

1. Nama, alamat, tarikh lahir, nombor rujukan hospital pesakit dan tarikh arahan DNACPR dibuat.
2. Kolum soalan adakah pesakit mempunyai keupayaan untuk membuat dan menyampaikan keputusan mengenai CPR? Jika "YA" pergi ke kolum soalan 3. Jika "TIDAK", adakah anda berpengetahuan tentang kewujudan suatu arahan awal yang menolak CPR yang relevan dengan keadaan sekarang? Jika "YA" pergi ke kolum 8. Jika "TIDAK", adakah pesakit telah melantik peguam untuk membuat keputusan bagi pihaknya? Jika "YA", peguam tersebut mesti dirujuk. Semua keputusan lain perlu dibuat demi kepentingan terbaik pesakit dan mematuhi undang-undang semasa.
3. Kolum ringkasan soalan tentang masalah klinikal utama dan sebab-sebab mengapa CPR tidak sesuai, tidak berjaya atau bukan untuk kepentingan terbaik pesakit.
4. Kolum ringkasan soalan tentang komunikasi dengan pesakit (atau Peguam). Jika keputusan ini belum dibincangkan dengan pesakit atau peguam, nyatakan sebab mengapa.
5. Kolum ringkasan soalan tentang komunikasi dengan saudara-mara atau kawan-kawan pesakit.
6. Kolum soalan nama-nama ahli-ahli pasukan pelbagai disiplin yang menyumbang kepada keputusan ini.
7. Kolum penjagaan kesihatan profesional yang merekod arahan DNACPR pesakit dengan dinyatakan nama, pangkat, tandatangan, tarikh dan masa.
8. Kolum kajian dan sokongan dari senior profesional kesihatan, dinyatakan nama, tandatangan dan tarikh.
9. Kolum semakan dan pengesahan dari dua profesional kesihatan yang lain, dinyatakan nama, tandatangan dan tarikh.

Secara khusus, borang DNR atau DNACPR berperanan penting bagi melaksanakan jangkaan keputusan *(anticipatory decisions)* berhubung dengan CPR yang merupakan bahagian penting dalam amalan klinikal yang baik. Borang DNACPR menggambarkan bahawa setiap *anticipatory decisions* tentang CPR mestilah berdasarkan penilaian keadaan pesakit pada masa itu. Ia memainkan peranan penting melibatkan individu tersebut (atau proksi; atau wakil jika beliau tidak dapat membuat keputusan untuk dirinya sendiri) sewaktu dalam proses membuat keputusan berhubung dengan CPR. Ini melibatkan membuat keputusan secara bersama-sama dengan profesional penjagaan kesihatan. Jika CPR tidak mempunyai peluang realistik membawa kejayaan, maka, ia perlu dimaklumkan kepada individu tersebut dan menjelaskan asas untuk itu. Borang DNACPR memperuntukkan bahawa apabila CPR tidak mempunyai peluang realistik untuk berjaya, maka adalah penting untuk merujuk kepada DNACPR. Dalam pada itu, pada waktu itu mungkin individu tersebut tidak sihat dan ketiadaaan waris atau wakil untuk menerangkan tentang situasi individu tersebut. Walau bagaimanapun perancangan yang jelas perlu dibuat untuk mengetahui apakah keputusan pesakit dan/atau proksi atau wakilnya berhubung dengan CPR yang keputusan mengenainya perlu dilakukan dengan secepat mungkin.

KESIMPULAN

Berdasarkan Seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil menunjukkan bahawa Malaysia boleh menggunakan *common law* Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbirkan di England (Seksyen 3, Civil Law Act 1956 (Akta 67)). Mahkamah Malaysia sentiasa boleh menerima pakai pendirian yang diambil oleh Mahkamah Inggeris mengenai isu DNR jika terdapat isu DNR yang dibawa ke Mahkamah. Mahkamah Malaysia boleh menggunakan prinsip yang diputuskan dalam kes *Re T (Adult)* dan *Re C (Adult, refusal of treatment)* yang memberikan impak kepada aspek *anticipatory refusal* dan DNR yang sekaligus terpakai dan dikuatkuasakan dalam *common law*. Prinsip autonomi pesakit juga perlu dilindungi dan dipatuhi berhubung dengan keputusan pesakit berkaitan rawatan perubatan seperti dalam kes yang tersebut di atas daripada *R (on the application of David Tracey) v Cambridge University Hospitals NHS Foundation Trust and Secretary of State for Health*. Mahkamah mendapati bahawa doktor mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk memaklumkan kepada pesakit yang berkeupayaan berhubung dengan tujuan CPR dan DNACPR. Di samping itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga boleh merujuk kepada Seksyen 24, 25 dan 26 MCA 2005 dan *Resuscitation Council (United Kingdom) (UK)* terhadap bentuk model dan garis panduan untuk dirujuk oleh hospital-hospital Malaysia. Pesakit berhak untuk melaksanakan DNR. Sebaiknya, perbincangan dan komunikasi yang baik harus diadakan melibatkan doktor, pesakit dan waris pesakit termasuklah dalam isu berhubung dengan DNR. Unsur kepelbagaian budaya dalam masyarakat di Malaysia juga memaparkan wujudnya hubungan erat antara pesakit dengan warisnya termasuklah ahli keluarga dan pasangan pesakit. Dalam hal ehwal meneruskan atau tidak CPR adalah dinasihatkan perlu diadakan perbincangan tuntas antara doktor-pesakit dan wakil keluarga pesakit demi kebaikan pesakit dan selari dengan Perkara 8, ECHR.

Oleh hal yang demikian, penulis berharap sumbangan asal artikel ini dapat mengetengahkan idea-idea dan ilmu-ilmu di samping disertakan dengan bukti-bukti baharu dalam penghujahan berhubung dengan DNR. Kesimpulannya, autonomi pesakit berhubung dengan rawatan perubatan merupakan salah satu daripada prinsip-prinsip asas etika perubatan. Autonomi pesakit perlu dilindungi. Malah, DNR boleh dianggap sebagai alat yang penting dalam menggerakkan autonomi pesakit. Di Malaysia, DNR masih agak belum diketahui umum dan ia masih ketinggalan di belakang United Kingdom dan Amerika Syarikat. Ia tidak dapat dinafikan bahawa kini terdapat pesakit yang mempunyai kesedaran tentang keperluan untuk mempunyai DNR. Penulis percaya bahawa rangka kerja penjagaan kesihatan hari ini bersedia untuk menakluk kesukaran yang bakal hadir. Perubahan tersebut adalah asas untuk meningkatkan komunikasi dengan pesakit dan keluarga tentang objektif mereka yang melibatkan keputusan mengenai pilihan bantuan pernafasan. Pesakit mempunyai hak untuk membuat keputusan mengenai CPR. Pesakit boleh memberitahu pihak hospital untuk tidak menyediakan bantuan pernafasan (CPR) melalui arahan DNR. Dengan merujuk kepada *Resuscitation Council (UK)* yang menerbitkan bentuk model dan garis panduan, sebagai langkah ke hadapan, kita perlu mengambil kira untuk meletakkan garis panduan yang lebih spesifik di hospital-hospital Malaysia. Selanjutnya, semestinya perlu terdapat peruntukan tertentu dan penambahbaikkan dalam undang-undang berhubung dengan DNR disertakan dengan garis panduan tertentu yang mengawal selia arahan DNR.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (Malaysia) yang menyediakan pembiayaan penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) iaitu FRGS / 1/2014 / SSI10 / UKM / 02/7, FRGS / 1/2014 / SSI10 / UKM / 02/6 dan dedikasi khas kepada ahli kumpulan penyelidikan terhadap usaha dan sokongan kepakaran yang diberikan. Bantuan dan inspirasi Kementerian amat dihargai. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah, pelajar dan staf sokongan di Fakulti Undang-undang, pihak CRIM dan staf perpustakaan, Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap sokongan dan galakan yang diberikan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

RUJUKAN

Alexander Morgan Capron. (2009). Advance Directives, in A Companion to Bioethics, Helga Kuhse and Peter Singer, Edisi Kedua. West Sussex: John Wiley & Sons. 299-311, hlm 300.

Barbara A. Brown. (2003). The History of Advance Directives. A Literature Review. 29 (9) Journal Gerontol Nurse, hlm 4-14.

Beauchamp TL, Childress JF. (2009) Principles of Biomedical Ethics, 6, New York: Oxford University Press.

Brendan Greene. (2005). Understanding Medical Law, Cavendish Publishing, London. hlm 190-196.

British Medical Association. Autonomy or Self Determination, https://www.bma.org.uk/advice/employment/ethics/medical-students-ethics-toolkit/2-autonomy-or-self-determination (28 Februari 2017).

Burns J.P., Edwards J., Johnson J. Cassem N.H., Truog R.D. (2003). Do-Not-Resuscitate Order after 25 Years, Crit Care Med. 31. hlm 1543-1550.

Deborah L Kasman. (2004). When Is Medical Treatment Futile? A Guide for Students, Residents, and Physicians, Journal Gen Intern Med, US National Library of Medicine. 19 (10): hlm 1053–1056, https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1492577/ (17 April 2017).

DNACPR-Resuscitation Council, www.resus.org.uk/dnacpr/ (2 June 2017). The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing, Decisions relating to cardiopulmonary resuscitation: A joint statement from the British Medical Association, http:www.resus.org.uk; Resuscitation Council (UK), diambil pada 17 Jun 2014; https://www.resus.org.uk/archive/archived-dnacpr-information/decisions-relating-to-cpr-2014/ (28 Februari 2017).

Echeverria C.B., Goic A.G., Rojas A.O. (2007). Cardiopulmonary Resuscitation and Do Not Resuscitate Orders, Rev Med Chil;135, hlm 669–679.

Eckberg, Evelyn. (1998). The Continuing Ethical Dilemma of The Do-Not-Resuscitate Order, AORN Journal.

Eliott J.A., Olver I.N. (2005). End-Of-Life Decision Making is More Than Rational. Commun Med. 2(1). hlm 21-34.

Harbor Light Hospice, Do Not Intubate (DNI) Order. https://www.harborlighthospice.com/resources/advance-care-planning/do-not-intubate-dni-order/ (16 April 2017).

Jonathan Herring. (2008). Medical Law and Ethics (2 ed.). New York: Oxford University Press.

Lindy Willmott. (2009). Advance Directives Refusing Treatment as an Expression of Autonomy: Do the Courts Practise What They Preach? Common Law World Review. CLWR 38 4 (295), hlm 1-3.

Lynch, Holly Fernandez; Mathes, Michele and Sawicki, Nadia N. (2008). Compliance with Advance Directives: Wrongful Living and Tort Law Incentives. University of Pennsylvania Law School, Penn Law: Legal Scholarship Repository. Faculty Scholarship. Paper 221. hlm 140.

Malaysian Medical Association. (2016). The Patient's Right. http://www.mma.org.my/patient-s-right (5 September 2016).

Mohd. Ismail Merican. (2009). President, Malaysian Medical Council & Director- General of Health, Malaysia, Rights and Responsibilities of Doctors: Future of Doctors in Malaysia, Speech at SCHOMOS Seminar "Rights and Responsibilities of Doctors," pada 5 Disember 2009, http://www.mmc.gov.my/v1/images/contents/publications/2009/Future-of-doctors-in-Malaysia2009.pdf (19 November 2015).

Nizam Ishak. (2016). Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Medico Legal, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Temuramah dalam program Wacana Advance Directive and Good Samaritan Law in Clinical Practice, Bilik Pengajian, Jabatan Perubatan Kecemasan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) pada 23 Februari 2016.

Norchaya Talib. (2002). Euthanasia- A Malaysian Perspective. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia.

Peatfield R.C., Sillett R.W., Taylor D., McNicol M.W. (1977). Survival after Cardiac Arrest in Hospital, Lancet. 1, hlm 1223–1225.

Perkara 17 dan 18, Consent for Treatment of Patients by Registered Medical Practitioners, Malaysian Medical Council (MMC), Malaysia.

Petasnick W.D. (2011). End-Of-Life Care: The Time for A Meaningful Discussion is Now, J Healthc Manag. 56 (November/Disember (6). hlm 361–372.

Puteri Nemie Jahn Kassim. (2007). Abondoning the Bolam Prinsiple in Doctor's Duty to Disclose Risks in Malaysia: Are We Heading in the Right Direction? Law Review 1. hlm 5-16.

R (on the application of David Tracey) v Cambridge University Hospitals NHS Foundation Trust and Secretary of State for Health [17.06.14], Neutral Citation Number: [2014] EWCA Civ 822.

Re B [2002] EWHC 429.

Re C (Adult: Refusal of Treatment) [1994] 1 All ER 819.

Re Quinlan 355 [N.J. 1976].

Re T (Adult: Refusal of Medical Treatment) [1992] 4 All ER 649, hlm 662.

Seksyen 3 dan 5, Civil Law Act 1956 (Akta 67).

Seksyen 24, Mental Capacity Act 2005 (UK).

St George's Health Care Trust v S [1998] 3 All ER 673.

Steven Pantilat. (2008). UCSF School of Medicine, University of California. http://missinglink.ucsf.edu/lm/ethics/Content%20Pages/fast_fact_bene_nonmal.htm (12 Julai 2016).

Susan J. Nanovic. (1990). Living Will: Preservation of the Right to Die Demands Clarity and Consistency, Dick L. Rev. 95: 209-234, hlm 211-212.

The Resuscitation Council (UK) and the Royal College of Nursing, Decisions relating to cardiopulmonary resuscitation: A joint statement from the British Medical Association, http:www.resus.org.uk; Resuscitation Council (UK), diambil pada 17 June 2014; https://www.resus.org.uk/archive/archived-dnacpr-information/decisions-relating-to-cpr-2014/ (28 Februari 2017).

Winspear (Personally and on behalf of the estate of Carl Winspear, Deceased) v City Hospitals Sunderlands NHS Foundation Trust [2015] All ER (D) 134 (Nov); [2015] EWHC 3250 (QB).

World Health Organization. Paranoid Schizophrenia. http://www.schizophrenia.com/szparanoid.htm (24 Februari 2017).